



## SIARAN AKHBAR

---

## PRESS STATEMENT

S.A 2017/03/21 (HQ)

### TNB CARI MODAL INSAN BERPOTENSI

BANGSAR – Tenaga Nasional berhad (TNB) akan menyertai *The Malaysian Career & Education Fair 2017* di London mulai Sabtu ini, bagi mengesan modal insan berpotensi dalam kalangan 17,000 pelajar Malaysia yang sedang menuntut di United Kingdom dan Ireland.

Beberapa siri promosi telah pun dibuat lebih awal lagi untuk menarik minat calon-calon yang berpotensi dan mereka yang berjaya akan terus diberikan surat tawaran bersyarat di program selama empat hari itu.

Sasaran Syarikat adalah kalangan pemegang basiswa tanpa ikatan, pelajar tajaan syarikat lain yang hadir, pelajar biayaan sendiri serta mereka yang mempunyai pengalaman kerjaya di United Kingdom.

Antara daya tarikan yang diatur untuk pengunjung adalah jamuan makan tengah hari bersama Ketua Pegawai Strategi TNB, Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan dan sesi mentor bersama Ketua Pegawai Talent TNB, Azman Zakaria.

Program itu dianjurkan oleh GRADUAN (organisasi kerjaya untuk siswazah) dengan kerjasama *United Kingdom Executive Council (UKEC)* dan *Education Malaysia* di London. TNB adalah penaja emas program itu yang disertai hamper 40 syarikat.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada jam 2.50 petang, 31 Mac 2017**

*Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /  
Datuk Omar Sidek (013-3418988) atau emel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*